



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200

Laman Web:

<http://selangor.anm.gov.my>

Rujukan Kami : ANM (SEL) G.100-10/3/1 JLD.2(4)

Tarikh : 28 Mac 2025

**Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) INSENTIF REKOD
PENCAPAIAN HASIL NEGERI SELANGOR TAHUN 2024 KEPADA PENJAWAT
AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas dan surat Perbendaharaan Negeri Selangor rujukan PWN.SEL.700-1/8/1 Jld.8 (30) bertarikh 25 Mac 2025 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, YAB Dato' Seri Menteri Besar Negeri Selangor ketika Majlis Mahabbah Ramadan Madani pada 19 Mac 2025 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Insentif Rekod Pencapaian Hasil Negeri Selangor Tahun 2024 **secara one-off** berjumlah **RM250.00** kepada penjawat awam Persekutuan lantikan tetap yang berkhidmat di Negeri Selangor dengan **gaji pokok RM3,000 dan ke bawah**. Bantuan khas ini merupakan insentif Kerajaan Negeri untuk berkongsi kesejahteraan dan kemakmuran hasil Negeri Selangor.

3. Selaras dengan keputusan tersebut kaedah pembayaran BKK adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- i. Pegawai **lantikan tetap** yang masih berkhidmat pada 15 April 2025;
- ii. Pegawai **bergaji pokok RM3,000.00** dan ke bawah berdasarkan penyata gaji bulan Mac 2025; dan
- iii. Pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) hari berturut-turut** termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am mulai 1 Januari 2025 hingga 15 April 2025.

3.2 Bayaran **TIDAK LAYAK** diberikan kepada:

- i. Pegawai lantikan **Kontrak Interim, Contract of Service, Contract for Service dan Personnel MySTEP**;
- ii. Pegawai yang **ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam** sebelum atau pada 15 April 2025;
- iii. Pegawai yang telah **dikenakan hukuman tatatertib** dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 15 April 2025;
- iv. Pegawai yang **meletak jawatan** sebelum atau pada 15 April 2025 kecuali bagi pegawai yang meletakkan jawatan untuk dilantik semula ke Perkhidmatan Awam; dan
- v. Pegawai Awam Persekutuan lantikan tetap yang berkhidmat dengan jabatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:

BIL	JABATAN
i.	Pejabat D.Y.M.M. Sultan Selangor & Pejabat D.Y.T.M. Raja Muda Selangor
ii.	Pejabat Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
iii.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
iv.	Jabatan Agama Islam Selangor
v.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
vi.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
vii.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
viii.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
ix.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor
x.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
xi.	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

4. Untuk perhatian tuan, Bantuan Khas Kewangan (BKK) Insentif Rekod Pencapaian Hasil Negeri Selangor Tahun 2024 ini akan dibayar bersama gaji April 2025 iaitu pada **24 April 2025**. Pemberian BKK ini adalah tertakluk kepada cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai Unit Gaji JANM Negeri Selangor seperti berikut:

NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	EMEL
Puan Suryana binti Md Yasin	03-5520 5322	suryana.mdyasin@anm.gov.my
Puan Rahiza binti Ab Rahim	03-5520 5303	rahiza@anm.gov.my
Puan Nur Azianie binti Sarijan	03-5520 5235	azianie.sarijan@anm.gov.my

6. Kerjasama pihak tuan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAHNAZ BIN ABD SALAM CA(M), CPA(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No.Tel: 03-55205200

Emel: pneg_sgr@anm.gov.my